



## Inovasi UMP hasilkan kit anti-histeria

Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan sebuah universiti yang berfokus kepada bidang kejuruteraan, sains dan teknologi terus memberi ruang kepada pensyarah dan penyelidikannya untuk berkarya dan menjalankan kajian ilmiah yang mampu memberi impak yang tinggi kepada universiti yang boleh dimanfaatkan masyarakat.

Kit anti-histeria yang dilancarkan

pada 30 April 2015 yang lalu merupakan produk yang dihasilkan berdasarkan kajian mengenai histeria dan kerasukan yang dijalankan penyelidik UMP diketuai oleh Pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr. Mahyuddin Ismail yang juga Pengarah Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).

Kajian yang dibiayai geran penyelidikan universiti dan geran pra-pengkomersialan ini berjaya menghasilkan inovasi Kit Anti-Histeria yang boleh digunakan oleh masyarakat umum. Ia merupakan pengembangan kepada kaedah mengatasi rasukan dan histeria yang telah diguna pakai oleh Pusat Rawatan Al-Manarah.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, kajian ini telah dijalankan dengan teliti dan komprehensif berdasarkan disiplin dan kaedah ilmiah malahan setiap hasil penyelidikan perlu bersifat ketara (*tangible*) dan berasaskan bukti (*evidence based*).

"Kit Anti-Histeria ini dibangunkan sebagai satu produk yang mempunyai potensi besar untuk dipasarkan memandangkan statusnya yang patuh syariah serta bebas dari sebarang perkara yang berbentuk metafizik, tahyul atau khurafat yang menyesatkan.

"Pihak pengurusan UMP menaruh keyakinan bahawa dengan kepakaran barisan penyelidik serta sokongan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat. Persoalan di sebalik masalah histeria dan kerasukan perlu juga diteroka secara ilmiah untuk dicari penyelesaiannya.

"Masyarakat perlu diberikan pencerahan yang berasaskan ilmu yang benar bagi menangani kes-kes berkaitan histeria dan kerasukan yang dilaporkan media sering berlaku di institusi-institusi pendidikan," katanya.

Beliau berkata, selain mendatangkan kegusaran dalam kalangan anggota masyarakat kejadian yang berlaku ini turut memberi kesan kepada aspek emosi, hubungan sosial, produktiviti, pencapaian akademik pesakit yang kadangkala turut melibatkan isu akidah dan syariah.

Berdasarkan pencapaian ini dan juga kajian mengenai undang-undang sihir yang turut diterajui oleh Dr. Mahyuddin Ismail ini, UMP turut menimbangakan kemungkinan untuk menubuhkan sebuah Makmal Perubatan Islam bagi tujuan pengembangan kajian ilmiah dan saintifik dalam bidang tersebut.